

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULUNG]
SOALAN :**

YB Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulung] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-

- (a) sejauh manakah keberkesanan program vaksin HPV yang dijalankan sejak tahun 2013; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah/sedang/bakal dijalankan oleh Kementerian untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap kanser pangkal rahim.

Tuan Yang di-Pertua,

Keberkesanan dan impak pemberian imunisasi HPV kepada remaja perempuan berumur 13 tahun hanya akan dapat dilihat pada tempoh 15 ke 20 tahun akan datang. Ini kerana kanser adalah satu penyakit kronik. Kini kohort pertama yang telah menerima imunisasi HPV dari Perkhidmatan Kesihatan Sekolah baru berumur 17 tahun. Kementerian akan terus memantau keberkesanan program ini menurunkan kejadian kanser pangkal rahim.

Bagi meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap kanser pangkal rahim, berbagai aktiviti melalui media bercetak dan elektronik serta kempen kesihatan telah dan akan diadakan secara berterusan. Ia bukan sahaja meliputi kesedaran tentang kepentingan imunisasi HPV, tetapi juga kepentingan menjalankan ujian Pap *smear*. Imunisasi HPV hanya mencegah jangkitan HPV16 dan HPV18 yang merupakan penyebab kepada 70% kes kanser pangkal rahim. Ada berbagai faktor lain penyakit ini yang tidak dilindungi oleh imunisasi HPV seperti sejarah keluarga, cara hidup seperti tabiat merokok dan pemakanan, seks rambang yang menyebabkan risiko tinggi kepada jangkitan kuman lain seperti Chlamydia, virus HIV dan HPV dan pengambilan ubat-ubatan tertentu seperti Diethylstilbestrol.

Tuan Yang di-Pertua,

KKM mengambil langkah meningkatkan kesedaran rakyat terhadap kanser pangkal rahim (serviks) melalui kempen khas. Dua komponen utama kempen adalah seperti berikut:

- (a) Kempen imunisasi terhadap Humanpapilloma virus (HPV). 99% kejadian kanser serviks adalah akibat jangkitan HPV. Kumpulan sasar kempen ini adalah:
 - i) Murid perempuan berumur 13 tahun di sekolah dan remaja perempuan warganegara berumur 13 tahun yang tidak bersekolah. Imunisasi ini diberi percuma kepada mereka; dan
 - ii) Wanita Generasi Y yang boleh mendapat imunisasi HPV di klinik dan hospital swasta dengan bayaran tertentu.

- (b) Kempen saringan Pap smear secara tetap dalam kalangan wanita berkahwin atau aktif secara seksual sehingga berusia 65 tahun.

KKM telah melaksanakan berbagai pendekatan untuk menjayakan imunisasi HPV tersebut. Bagi tahun 2014, pendekatan berikut digunakan:

- 388,000 Nasihat individu;
- 242,000 Risalah;
- 17,000 Ceramah;
- 3,300 Taklimat kepada guru;
- 1,100 Edaran poster;
- 19 Pameran;
- 12 Forum awam; dan
- 19 Pameran.

KKM juga melaksanakan kempen melalui media massa terutama di radio, akhbar dan artikel-artikel di majalah. Pada bulan November hingga Disember 2014 baru-baru ini, sebanyak 60 slot iklan di radio disiarkan di beberapa stesen radio, artikel di akhbar di Semenanjung, Sabah dan Sarawak dan juga majalah utama kegemaran wanita.

KKM akan terus menjalankan kempen kesedaran pada masa akan datang demi menjaga rakyat daripada terdedah kepada risiko pangkal rahim (serviks).

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' NORAINI BINTI AHMAD
DARIPADA [PARIT SULONG]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan "homeschooling" yang telah berdaftar dengan Kementerian dan apakah yang dilakukan oleh Kementerian untuk memastikan bahawa kualiti pendidikan "homeschooling" tidak terjejas.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Konsep *home schooling* merupakan konsep pembelajaran di rumah. Pembelajaran *home schooling* dilaksanakan berpandukan punca kuasa Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 14 Tahun 2002: Pelaksanaan Pendidikan Wajib Di Peringkat Rendah 2003. Pemantauan dan pelaksanaan pembelajaran *home schooling* akan dilaksanakan oleh KPM berdasarkan jumlah permohonan yang diluluskan.

Setakat ini hanya satu (1) permohonan untuk melaksanakan pembelajaran *home schooling* yang telah diluluskan pada tahun 2009. Bagi memastikan kualiti pendidikan *home schooling* tidak terjejas, KPM meluluskan permohonan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:

- i. Pemohon hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia.
- ii. Pemohon mestilah memiliki kelulusan ikhtisas perguruan.
- iii. Salah seorang ibu bapa mestilah berkesanggupan untuk menjadi

pengajar kepada kanak-kanak tersebut secara sepenuh masa di rumah.

- iv. Adalah diwajibkan untuk menggunakan kurikulum kebangsaan.
- v. Berkemampuan untuk menyediakan prasarana pendidikan yang kondusif dan sempurna untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.
- vi. Lawatan ke rumah pemohon akan dibuat untuk tujuan lawatan tapak kesesuaian prasarana pendidikan oleh pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah.
- vii. Pemohon membenarkan Pegawai daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah untuk melawat rumah pada bila-bila masa hari persekolahan untuk tujuan pemantauan proses Pengajaran & Pembelajaran tanpa prasangka.
- viii. Kanak-kanak yang menjalankan *Home Schooling* tidak dibenarkan sama sekali untuk menghadiri mana-mana persekolahan secara tuisyen harian sama ada swasta atau kerajaan.

Sekiranya didapati pemohon melanggar syarat-syarat yang terkandung dalam kelulusan yang diberikan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia maka pihak Kementerian Pendidikan Malaysia berhak untuk membatalkan kelulusan tersebut dengan serta merta dan kanak-kanak tersebut hendaklah didaftarkan semula ke sekolah biasa dengan segera.